JABATAN MUFTI NEGERI PERAK

PANDANGAN MUFTI (IRSYAD/PANDUAN HUKUM)
HUKUM WANITA DALAM 'IDDAH KELUAR MENGUNDI

Idah ('Iddah) adalah tempoh tertentu bagi seseorang wanita menunggu sehingga selesai tempohnya semata-mata mematuhi perintah Allah SWT atau sebagai tanda kesedihan terhadap pemergian suami, atau memastikan rahimnya bersih daripada kandungan dan wajib menetap di rumah yang didudukinya selama tempoh 'iddah.

Wanita yang dalam keadaan *'iddah* **harus** keluar daripada rumahnya untuk menunaikan hajat dan mendapatkan barangan keperluannya pada waktu siang hari, tetapi tidak di waktu malam. Ini berdasarkan hadits Saidina Jabir RA yang berkata:

طُلِّقَتْ خَالَتِي فَأَرَادَتْ أَنْ تَجُدَّ نَخْلَهَا فَزَجَرَهَا رَجُلٌ أَنْ تَخْرُجَ فَأَتَتِ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: بَلَى فَجُدِّي نَخْلَكِ فَإِنَّكِ عَسَى أَنْ تَصَدَّقِي أَوْ تَفْعَلِي مَعْرُوفًا

Maksudnya: Ibu saudaraku telah diceraikan. Dia tetap keluar untuk menguruskan kebun tamar miliknya kemudian bertembung dengan seorang lelaki yang melarangnya. Selepas itu, ibu saudaraku mengadukan hal tersebut kepada Nabi SAW lantas Baginda bersabda: "*Keluarlah dan uruskanlah kebun tamarmu. Mudah-mudahan kamu dapat bersedekah daripadanya atau melakukan kebaikan*".(Riwayat Muslim)

Al Imam an-Nawawi menyatakan dalam kitabnya (al Minhaj Syarah Sahih Muslim): "Hadits ini adalah dalil yang membolehkan wanita ber'iddah bain untuk keluar bagi suatu hajat keperluan.

Proses mengundi sempena Pilihanraya Umum (PRU) merupakan suatu kewajipan yang perlu dilakukan sendiri tanpa boleh diwakili oleh pihak lain. Salah satu sistem yang diperaku

berteraskan amalan demokrasi bagi memilih pemimpin yang menjadi kewajipan setiap warganegara dan diterima pakai menurut undang-undang. Kaedah fiqh menyatakan:

ما لا يتم الواجب إلا به فهو واجب

Maksudnya: "*Suatu kewajipan yang tidak sempurna melainkan dengannya maka ia juga wajib"*

Di samping itu, ia termasuk dalam kategori wajib *mudayyaq* (kewajipan yang mesti dilakukan dalam tempoh tertentu sahaja). Oleh kerana tempoh mengundi adalah terhad dengan tempoh masa yang ditentukan dan tidak boleh ditangguhkan kepada masa yang lain, maka Jabatan Mufti Negeri Perak berpandangan **harus** hukumnya bagi wanita yang dalam 'iddah keluar mengundi dengan mematuhi beberapa *dhowabit* (parameter) berikut:

- Menjaga penampilan dan adab ketika di dalam *ihdad* (berkabung) atau Idah ('Iddah).
- Menjauhkan diri daripada perkara yang membawa kepada fitnah.
- Tidak berhias-hias seperti emas, perak mahupun permata dengan memakai gelang dan rantai.
- Tidak memakai wangi-wangian dan menghias wajah berlebihan.
- Hendaklah keluar rumah dan selesaikan segala urusan keperluannya itu pada pada kadar segera di siang hari dan tidak dengan sengaja melewat-lewatkannya, manakala pada malamnya hendaklah dia berada dan bermalam di rumahnya.

Tarikh: 16 November 2022
No. Fail: MN.Pk.A351.IST/05/9 JLD.9

SS. DATO' HAJI WAN ZAHIDI BIN WAN TEH
Mufti Negeri Perak
Darul Ridzuan